

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN MOHD RAFIZI BIN RAMLI [PANDAN]

TARIKH : 11.6.2014

SOALAN :

Tuan Mohd Rafizi bin Ramli [Pandan] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan menyenaraikan perbandingan sewa kampus tahunan (bagi tahun 2014 dan unjuran 2015, 2016, 2017 dan 2018) yang ditanggung oleh seorang pelajar UiTM di kampus yang dikendalikan sendiri oleh UiTM, berbanding dengan sewa kampus tahunan (bagi tahun 2014 dan unjuran 2015, 2016, 2017 dan 2018) di kampus-kampus yang dikendalikan di bawah konsesi iaitu UiTM Kota Samarahan, UiTM Pasir Gudang, UiTM Seremban 3, UiTM Puncak Alam, UiTM Jasin dan UiTM Tapah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sebanyak 27 kampus di seluruh negara dikendalikan sendiri oleh Universiti Teknologi MARA (UiTM). Pihak pengurusan atasan UiTM melalui Mesyuarat Eksekutif UiTM telah menetapkan bahawa kadar sewaan kampus ke atas seorang pelajar bagi setiap kampus sama ada di kendalikan oleh UiTM atau pihak konsesi bagi tahun 2014 adalah sebanyak RM 420/semester (RM840/setahun) untuk bilik berdua, RM 315/semester (RM 730 setahun) untuk bilik bertiga dan RM 210/semester (RM 420 setahun) untuk bilik berempat dan ke atas. Justeru, pengurangan bayaran sewaan kampus untuk tahun 2015, 2016, 2017 dan 2018 akan terus dikekalkan.